



**DAING NASIR IBRAHIM** (dua dari kanan) dan **Yuserrie Zainuddin** (kanan) turut menyertai Fun Ride berbasikal sejauh 30km dalam Program UMP Eco Ride di Pekan, Pahang, baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMIK = TIMUR) 3/5/2017 (RABU)

## Eco Ride 2017 promosi m/s: 26 gaya hidup sihat di kampus

**PEKAN 2 Mei** - Penganjuran International UMP Eco Ride 2017 di sini kelmarin bukan sahaja dapat mempromosikan aktiviti berbasikal sebagai salah satu cara untuk beriadah malah membantu merencanakan program Tahun Melawat Pahang 2017.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganjuran acara yang disertai lebih 500 peminat sukan berbasikal itu juga bagi menyokong gaya hidup sihat yang menyumbang kepada kesejahteraan dalam kalangan warga kerja dan mahasiswa universiti berkenaan.

Pada masa sama, kata beliau, International UMP Eco Ride 2017 memberi peluang kepada orang luar untuk menyaksikan sendiri suasana kehijauan di dalam UMP Pekan.

“Aktiviti berbasikal merupakan senaman ideal bagi masyarakat di semua peringkat usia dan latar belakang di samping meningkatkan stamina yang meredakan keletihan serta kelesuan.

“Dengan impak positif kepada peningkatan kesihatan individu dan kosnya yang berpatutan, sukan berbasikal boleh ditampilkan sebagai aktiviti yang boleh disertai oleh

warga kampus dan masyarakat sama ada secara individu atau berkumpulan,” katanya selepas melepaskan peserta pertandingan itu di UMP Pekan di sini.

Yang hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin; Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti) UMP, Prof. Datuk Dr. Ishak Ismail dan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib yang turut menyertai acara berbasikal.

Program berkenaan dimekarkan dengan acara senamrobik dan Eco Walk yang disertai warga kampus dengan berjalan kaki di sekitar kampus itu.

Menurut Daing Nasir, menerusi International UMP Eco Ride 2017, para peserta berpeluang menikmati persekitaran menarik dalam laluan Fun Ride sejauh 30 kilometer dan laluan perlumbaan Eco Ride sejauh 120 kilometer.

“Mereka juga dapat menikmati keindahan alam sekitar di laluan melibatkan perkampungan tradisional di Sungai Soi, Cherok Paloh, Lamir, Ganchong, Maulana dan Marhum,” katanya yang berhasrat menjadikan International UMP EcoRide sebagai acara tahunan universiti tersebut.